


Jilid I
Bil. 10



Hari Jumaat
20hb Oktober, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 829]

USUL:
Anggaran Pembangunan, 1979 [Ruangan 856]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE
E. MANSUL (Penampang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Mas Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN
HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN
YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN
ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH
BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN
ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN
ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM
BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias*
YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- .. TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- .. TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (Dr) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- .. TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- .. TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- .. TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- .. DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- .. TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ..

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantan).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat** TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.N. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.
Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.
Penolong Penyunting: P. B. Menon.
Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

- N. Ramaswamy.
- Louis Yeoh Sim Ngoh.
- Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
- Suhor bin Husin.
- Amran bin Ahmad.
- Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
- Margaret Chye Kim Lian.
- Puan Ng Chong Kin.
- Puan Kong Yooi Thong.
- Juliah binti Awam.
- Supiah binti Dewak.
- Ismail bin Hassan.
- Shamsiah binti Mohd. Yusof.
- Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 20hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan
Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Kedua

4.06 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sebahagian dari Kumpulan wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 1979 serta menguntukkan wang tersebut bagi kegunaan perkhidmatan tahun itu" dibacakan pada kali yang kedua.

Seperti di dalam Ucapan Belanjawan saya pada tahun lepas, saya akan menumpukan perhatian pada soal-soal dasar yang besar-besar saja, kerana kajian secara detail mengenai prestasi ekonomi dan kewangan Malaysia bagi tahun ini dan juga mengenai pandangan dan harapan ekonomi bagi tahun hadapan, ada terkandung di dalam Laporan Ekonomi tahun 1979, yang akan diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai tambahan kepada Ucapan Belanjawan saya ini. Memoranda hasil perbelanjaan serta lain-lain lampiran yang berkenaan, juga ada mengandungi butir-butir yang perlu sebagai tambahan kepada Ucapan Belanjawan saya ini.

Jumlah Peruntukan Perbelanjaan tahun 1979

Kerajaan kita adalah melibatkan diri setegastegasnya dalam usaha pembangunan ekonomi negara. Kita telah berjanji akan melaksanakan "cita-cita kita mewujudkan Malaysia gembira yang bersatu, bangga dan gagah".

Oleh itu, bagi tahun 1979, adalah dicadangkan supaya diperuntukkan wang sejumlah \$13,570 juta, yang terdiri dari \$8,709 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan \$4,861 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan di dalam Belanjawan tahun 1979. Ini bermakna, Perbelanjaan Mengurus bertambah 8.1 peratus lebih daripada Perbelanjaan Mengurus tahun 1978, dan Perbelanjaan Pembangunan bertambah 4.7 peratus lebih daripada Perbelanjaan Pembangunan tahun 1978. Walau bagaimanapun, Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1979 akan ditambah lagi, apabila selesai kelak Kajian Semula Pertengahan-penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Peruntukan-peruntukan perbelanjaan bagi sektor-sektor pengurusan dan pembangunan makin berkait secara langsung sekarang kepada mandat baru yang diperolehi oleh Kerajaan untuk memberi keutamaan yang lebih kepada usaha membasmi kemiskinan, mengurangkan pengangguran, serta meneruskan proses menyusun semula masyarakat kita, dalam rangka Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ketiga. Begitu juga, Belanjawan ini akan mencerminkan keutamaan yang tinggi yang akan diberikan kepada usaha menjaga keselamatan negara dan menyelenggarakan undang-undang dan ketenteraman.

Jadi, kira-kira satu-per-lima atau \$1,924 juta dari Perbelanjaan Mengurus diperuntukkan kepada keselamatan dan kira-kira satu-per-tiga atau \$2,768 juta diperuntukkan kepada perkhidmatan kebajikan masyarakat. Ini termasuklah \$1,943 juta untuk pelajaran dan lebih \$650 juta untuk perkhidmatan kesihatan.

Perbelanjaan Pembangunan tahun 1979 akan juga menitikberatkan keperluan mengadakan lebih banyak lagi program-program membasmi kemiskinan dan menyusun masyarakat, dengan memberi peruntukan kira-kira

tiga-per-lima atau \$2,690 juta dari Perbelanjaan Pembangunan kepada perkhidmatan-perkhidmatan ekonomi. Ini termasuklah pembangunan pertanian dan luarbandar, yang akan menerima kira-kira satu-per-lima atau \$770 juta dari Perbelanjaan Pembangunan tahun 1979. Sektor pengangkutan juga telah diperuntukkan sebanyak \$715 juta atau satu-per-enam dari Perbelanjaan Pembangunan, sementara sektor perhubungan diperuntukkan dengan \$593 juta bagi tahun 1979.

Dalam hal ini, saya akan membentangkan satu usul untuk menambah Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1979 selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat harus bertanya mengapa kita perlu berbelanja begitu banyak.

Jawapannya ialah, kerana Kerajaan terlibat sepenuh-penuhnya dalam usaha pembangunan negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi dan meluas demi kebajikan rakyat, terutama yang berpendapatan rendah. Pertumbuhan ekonomi dunia masih lembab dan ini mungkin menyebabkan kita tidak dapat mencapai hasil pendapatan dari pertukaran wang asing dan dari Hasil Belanjawan sebanyak yang kita harap-harapkan. Tetapi kita berazam terus hendak menimba dari tabungan negara dan meminjam lagi, kalau perlu, supaya dapat kita meningkatkan usaha-usaha pembangunan kita, demi kepentingan rakyat.

Ada setengah orang berfikiran macam pak pandir, kononnya kita tak payah meminjam. Wang dari Hasil Belanjawan sudah cukup untuk membiayai usaha-usaha pembangunan. Tetapi kita hendaklah sedar bahawa pendapatan dari Hasil Belanjawan itu kebanyakannya digunakan untuk menyelenggara perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, keselamatan, undang-undang dan ketenteraman negara, dan juga untuk mengadakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan seperti sekolah dan hospital dan bantuan teknik kepada kaum tani dan nelayan. Perbelanjaan Pembangunan pula digunakan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti talai-air, ampangan dan terusan, jalanraya, jembatan, membuka tanah baru untuk pembangunan, membeli alat-alat kelengkapan pertanian dan banyak lagi projek-projek pembangunan yang lain. Jadi, Perbelanjaan Pembangunan tidaklah dapat dibiayai dari Hasil Belanjawan semata-mata tetapi mestilah juga datang daripada pinjaman. Haruslah

disedari bahawa nilai harta yang dijudikan melalui pinjaman adalah jauh melebihi jumlah yang dipinjam.

Tidaklah ada jalan lain lagi yang menasabah, melainkan meminjam. Ini adalah suatu prinsip yang penting dalam ilmu kewangan awam dan prinsip ini terutama sekali digunakan di dalam negara-negara yang sedang membangun di mana Kerajaannya terpaksa mengambil dayautama dalam usaha membangunkan ekonomi negaranya. Oleh itu, sama sekali tidak realistik dan sama sekali tidak kena pada tempatnya saranan yang menyuruh kita jangan meminjam tetapi pakai saja wang dari Hasil Belanjawan Semasa yang ada untuk membiayai pembangunan ekonomi kita. Fikiran yang semacam ini bukan saja salah sangka tetapi nakal. Negara kita tidak mungkin mencapai kejayaan perkembangan sosio-ekonomi yang begitu dikagumi oleh dunia seperti hari ini kalau kita tidak mempunyai keupayaan yang kuat untuk meminjam, daripada pasaran-pasaran wang di dalam dan di luar negeri, untuk membiayai projek-projek besar-besaran yang telah diikhtiarakan oleh Kerajaan ini sejak Merdeka. Salah satu buktinya ialah taraf hidup rakyat adalah di antara yang tinggi di kalangan negara-negara membangun.

Institusi-institusi kewangan antarabangsa yang besar-besar di dunia menaroh keyakinan pada kebolehan dan keupayaan ekonomi kita bukan saja untuk membayar hutang kita tetapi juga kebolehan dan keupayaan kita menggunakan wang yang dipinjam itu se-cekap-cekapnya untuk maksud-maksud yang membawa penghasilan yang baik dan berguna. Jumlah perkhidmatan membayar hutang adalah sebanyak \$1,369 juta atau kira-kira 16% dari Perbelanjaan Mengurus di dalam Belanjawan ini. Bagaimanapun, sebahagian besar dari jumlah ini adalah terdiri dari bayaran hutang dalam negeri, terutamanya dari punca-punca yang tidak menimbulkan inflasi seperti KWSP (EPF), Bank Simpanan Nasional dan Syarikat-syarikat Insuran. Suka saya menambah di sini, bahawa jumlah wang yang kita pinjam dari luar negeri itu selama ini amat kecil. Nisbah pembayaran balik hutang yang dipinjam dari luar negeri, kalau dibandingkan dengan pendapatan tahunan ekspot kita, hanyalah kira-kira 5 peratus setahun, iaitu di antara yang paling rendah di dunia. Bahkan, pakar-pakar ekonomi di negeri kita ini dan juga di luar negeri mengatakan kita cermat sangat meminjam.

Saya hendak menegaskan di sini bahawa kalau kita kurangkan meminjam, bererti usaha pembangunan kita akan kurang. Ini akan menjadikan kebajikan rakyat dan melumpuhkan dasar Kerajaan yang sudah terisytihar hendak menyusun semula ekonomi negara serta menghapuskan kemiskinan. Oleh itu mereka yang menentang peminjaman adalah disifatkan sebagai sengaja menentang kemajuan dan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu usaha yang positif bagi menentukan supaya kumpulan wang awam, yang dipinjam dari luar ataupun dari dalam negeri, digunakan sebaik-baiknya dan dengan cara yang sebijak-bijaknya bagi kemajuan dan pembangunan masyarakat Malaysia, Kerajaan sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki sistem peruntukan sumber-sumber dan pengurusan kewangan. Pelaksanaan Sistem Belanjawan Program dan Prestasi (Programme and Performance Budgetting System) di dalam pengurusan awam menghendaki supaya agensi-agensi Kerajaan mestilah memberikan pertimbangan, yang amat teliti bila membuat perancangan, pemilihan serta pelaksanaan segala program yang melibatkan kewangan awam. Dalam tahun ini pelaksanaan Sistem Belanjawan Program dan Prestasi secara mendalam sudahpun dikembangkan kepada beberapa agensi Kerajaan dan akan terus diperluas di masa-masa akan datang. Untuk menyempurnakan sistem yang bertujuan memperbaiki perancangan program perbelanjaan awam ini, Kerajaan akan juga memperkenalkan Audit Pengurusan dalam beberapa agensi yang telah dipilih bagi tahun 1979. Ini akan merupakan satu perkhidmatan yang bebas untuk membantu pihak pengurusan membuat kajian dan penilaian yang sistematik dan berterusan mengenai prestasi tiap-tiap agensi Kerajaan.

Strateji Belanjawan

Oleh itu, Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1979 telah dirancang supaya mempunyai kaitan secara langsung dengan Strateji Belanjawan yang akan saya cadangkan sekarang. Strateji Belanjawan 1979 adalah bertujuan :

Untuk mengekal dan memajukan Pertumbuhan terus menerus Ekonomi Malaysia dan untuk meningkatkan Agihan Pendapatan dalam rangka Kesetabilan Harga.

Jadi, Belanjawn ini adalah dirancang untuk memajukan pertumbuhan ekonomi, sambil mencegah tekanan-tekanan yang tidak berpatut ke atas harga. Strateji ini akan menolong merendahkan kos penghidupan melalui langkah-langkah yang akan meninggikan pendapatan bersih setelah menolak cukai terutama sekali di kalangan masyarakat berpendapatan rendah. Strateji Belanjawan ini juga bertujuan menggalakkan perkembangan pelaburan swasta yang sedia ada dan pertumbuhan dalam pengeluaran bahan-bahan makanan dari jenis pertanian.

Oleh yang demikian Belanjawan tahun 1979 ini adalah belanjawan berkembang yang bersifat sederhana dan saksama.

Sebab-sebab Strateji Belanjawan Digunakan

Tuan Yang di-Pertua, Strateji Belanjawan bagi tahun 1979 telah dirancang dengan teliti selepas mengkaji kedudukan ekonomi antarabangsa keseluruhannya dan kesannya ke atas ekonomi Malaysia di masa depan.

Oleh sebab ekonomi Malaysia merupakan ekonomi terbuka dalam mana perdagangan antarabangsa merupakan kira-kira 50% daripada Keluaran Negara Kasar, maka tidaklah harus kita menjangka yang ekonomi kita tidak akan terjejas oleh arus ekonomi antarabangsa bagi tahun hadapan yang tidak tentu dan tidak menggalakkan itu.

Ramalan Ekonomi untuk tahun 1979

Jadi bagaimanakah kedudukan ekonomi antarabangsa bagi tahun hadapan?

Setakat ini belumlah berapa jelas, samada segala ikrar hendak mengadakan tindakan bersama antarabangsa untuk menyelesaikan issu-issu ekonomi yang genting, pertumbuhan ekonomi yang terus lembab, kadar-kadar pengangguran dan inflasi yang terlalu tinggi, akan dapat atau tidak diselesaikan dalam masa 12 bulan yang akan datang.

Tetapi negara-negara perindustrian yang menghadapi masalah-masalah yang besar dan berat ini dalam negeri masing-masing, mungkin terpaksa mengambil langkah-langkah memperketat lagi dasar perlindungan perdagangannya yang tidak diingini itu. Jika ini berlaku, kita akan dapatkan perdagangan antarabangsa dan pertumbuhan ekonomi dunia akan menerima pukulan yang lebih hebat lagi.

Ramalan-ramalan ekonomi terakhir sudah pun menunjukkan negara-negara perindustrian akan mencapai kadar pertumbuhan purata yang lebih rendah iaitu sebanyak 3.3% dalam separuh masa pertama tahun 1979, berbanding dengan 4% di dalam separuh masa kedua tahun ini. Kadar inflasi juga yang sudah memang tinggi sebanyak 7% itu adalah dijangka tidak akan turun tetapi terus berada pada kadar yang tinggi sekarang ini pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ekonomi antarabangsa yang sebegini rupa, hanya beberapa jalan saja terbuka bagi kita dalam merancangkan strateji ekonomi dan kewangan kita bagi tahun 1979. Pertama, kita boleh membiarkan saja ekonomi kita mengikut arus ekonomi antarabangsa yang tidak pasti itu. Ini bermakna kita mengambil tindakan secara konservatif dengan mengurangkan usaha memperkembangkan ekonomi kita serta/atau menaikkan cukai-cukai lebih tinggi lagi.

Kedua, kita boleh mengambil sikap tak peduli serta berkecuali dan membiarkan ekonomi kita terapung-apung, kalau pun tak tenggelam.

Ketiga, kita boleh mengambil sikap yang positif yang bertujuan untuk berkembang, tetapi berhati-hati, untuk mengurangkan dan seberapa boleh menahan dan mencegah kesan-kesan buruk yang timbul dari pertumbuhan ekonomi antarabangsa yang lembab, dan juga keadaan matawang antarabangsa yang tidak setabil.

Bagaimanapun, sukacita saya mengumumkan bahawa strateji belanjawan bagi tahun 1979 telah memilih langkah yang ketiga.

Ragam Langkah-langkah Belanjawan 1979 di dalam Konteks Strateji Belanjawan

Tuan Yang di-Pertua, sekarang inginlah saya membentangkan langkah-langkah utama tertentu yang merupakan ragam belanjawan yang telah disediakan untuk mencapai matlamat-matlamat Strateji Belanjawan.

Untuk menggalakkan perkembangan yang lebih pesat dalam tingkatan aktiviti ekonomi, Kerajaan telah mengambil daya utama dengan menambahkan lagi perbelanjaan bagi program-program sektor awam. Ini adalah perlu terutama sekali memandangkan kepada keperluan untuk mencapai kadar pembangunan yang lebih tinggi dalam sektor perindustrian dan perkilangan. Bagi mencapai

tujuan ini, Kerajaan telah mengadakan berbagai langkah bagi menambah kemudahan-kemudahan infrastruktur atau kemudahan-kemudahan asas dan kemudahan-kemudahan bantuan supaya membolehkan sektor swasta menambah sempurnakan usaha-usaha Kerajaan dalam matlamat kita untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan perkembangan yang lebih cepat dalam sektor perindustrian. Perbelanjaan bagi kemudahan-kemudahan infrastruktur dan lain-lain perkhidmatan bantuan telah ditambah. Peruntukan bagi program-program infrastruktur utama telah diadakan memandangkan dalam sektor perindustrian. Program-program tersebut ialah: \$558 juta untuk Talikom, \$143 juta untuk Bekalan Air dan \$600 juta untuk Bekalan Letrik. Peruntukan bagi Jalanraya dan Jambatan telah dinaikkan kepada \$499 juta termasuk \$165 juta bagi jalan-jalan luarbandar yang akan diatur untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan bagi penduduk-penduduk luarbandar dan mengurangkan kos penyelenggaraannya. Kerajaan juga telah mengambil keputusan untuk menanggung semua perbelanjaan bagi meningkatkan dan menyelenggara jalan-jalan dalam kawasan-kawasan perkampungan FELDA. Sebagai tambahan, Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur untuk kepentingan pertanian; sebanyak \$173 juta adalah diperuntukkan bagi 258 projek pengairan dan 38 projek perparitan.

Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat di bidang perdagangan dan perindustrian, sebanyak \$599 juta adalah diperuntukkan melalui berbagai-bagi agensi Kerajaan seperti UDA, MARA dan SEDC untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti seperti pembinaan, pembangunan harta-tanah, perdagangan dan perindustrian dan latihan kemahiran.

Sektor perkilangan adalah sektor yang paling pesat berkembang di dalam ekonomi kita. Ianya telah berkembang menjadi sektor kedua terbesar, selepas sektor pertanian dan merupakan 1/5 daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar. Sektor perkilangan bukan saja berkembang dari segi jumlah dan lingkungannya tetapi juga meliputi berbagai jenis kegiatan perindustrian. Serentak dengan itu penggunaan teknologinya telah juga berkembang pesat menjadikannya satu sumber mendapatkan tukaran wang asing dan penggunaan gunatenaga mahir dan separuh mahir yang amat menggalakkan sejak beberapa

tahun kebelakangan ini. Sektor perkilangan telah dapat memberi tunjangan kepada permodenan ekonomi negara dan adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memperkuuh lagi kemajuan yang telah dicapai di dalam sektor ini.

Galakan-galakan yang sedia ada di bawah Akta Galakan Pelaburan (Investment Incentives Act) seperti taraf perintis, kredit cukai pelaburan, kelonggaran cukai penggunaan tenaga buruh, dan lain-lain adalah ditujukan khusus kepada perusahaan-perusahaan baru. Menyedari akan sumbangan yang boleh diberikan oleh perusahaan yang sudah bertapak terhadap pembangunan negara, saya mencadangkan untuk memberi Elaun Pelaburan Semula (Reinvestment Allowance) berjumlah sebanyak 25% daripada jumlah perbelanjaan yang digunakan ke atas loji, kejenteraan dan bangunan perindustrian untuk tempoh tiga tahun yang akan datang. Semua syarikat-syarikat yang sedang bergiat di dalam sektor perkilangan dan pemerosesan yang sekarang tidak menikmati apa-apa bentuk galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan termasuk mereka yang sudah pun luput tempoh galakan mereka sekurang-kurangnya tiga tahun, adalah layak mendapat kemudahan elaun pelaburan semula ini. Galakan ini akan ditadbirkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri tetapi sebelum syarikat-syarikat diberi kemudahan ini, rangganan perkembangan mereka hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekiranya mereka tidak dikecualikan di bawah peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat tentunya sedar akan adanya aduan-aduan mengenai kelewatan di dalam pelaksanaan dasar perindustrian kita. Untuk membetulkan keadaan ini, Kerajaan barubaru ini telah menubuhkan sebuah Yunit Pusat di dalam organisasi FIDA untuk menyelaras dan melicinkan lagi perjalanan pelaksanaan dasar perindustrian kita.

Walaupun kita mempunyai tanah pertanian yang mencukupi untuk tanaman makanan, kegunaan tanah-tanah ini tidak dipergunakan sepenuh-penuhnya. Memandangkan bahawa penggunaan tanah pertanian yang lebih berkesan akan memberi manfaat kepada negara dari segi penjimatan tukaran wang asing dan harga barang-barang makanan yang mungkin

menjadi lebih rendah dengan adanya bekalan yang lebih, adalah dicadangkan supaya diberi galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968, di dalam bentuk keredit cukai pelaburan berjumlah sebanyak 50% daripada perbelanjaan modal yang dilayakkan di atas pengeluaran makanan. Namun begitu, oleh kerana perbelanjaan modal di dalam sektor pertanian biasanya adalah lebih kecil berbanding dengan sektor perkilangan, adalah perlu difikirkan satu konsep "perbelanjaan modal yang dilayakkan" yang berlainan untuk sektor pertanian, supaya galakan ini dapat memberi faedah yang sewajarnya kepada mereka yang bergiat di dalam pertanian barang-barang makanan dan pemeliharaan ternakan secara perdagangan. Konsep yang akan digunakan akan diumumkan sekali dengan maklumat-maklumat lanjut mengenai galakan ini apabila Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian membentangkan di dalam Dewan ini Rang Undang-undang mengenai perkara ini nanti. Suka saya menyebutkan di sini bahawa hanya syarikat-syarikat dan syarikat kerjasama sahaja yang layak dipertimbangkan untuk mendapat galakan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada peringkat awal ini, hanya pengeluaran barang-barang makanan yang berikut sahaja layak diberi galakan di bawah cadangan ini:

- (i) Penanaman tanian makanan dan buah-buahan;
- (ii) Penanaman sayur-sayuran;
- (iii) Ternakan ikan dan udang air tawar dan ternakan laut;
- (iv) Ternakan untuk daging dan susu.

Tambahan kepada senarai tersebut tadi akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian dari masa ke semasa.

Saya mencadangkan untuk menaikkan duti ekspot atas kelapa dan kelapa kering dari 10% kepada 15% sebagai satu langkah mengurangkan ekspot dan supaya kilang-kilang minyak makan di negara ini mendapat bekalan kelapa kering yang mencukupi. Ini juga akan memberi faedah kepada pengguna-pengguna. Cadangan ini tidak akan menjerasakan usaha penanaman kelapa kerana permintaan dari kilang-kilang pengeluar minyak makan tempatan dan juga penggunaan di rumah akan berterusan.

Perusahaan minyak kelapa sawit di Sabah dan Sarawak yang berkembang terkemudian dari perusahaan di Semenanjung Malaysia, telah meminta bantuan supaya dikecualikan sebahagian duti ekspot kerana kos pengeluaran yang tinggi. Walaupun duti ekspot atas minyak kelapa sawit telah dipinda pada tahun yang lalu sahaja saya bercadang untuk memberi pengecualian duti sebanyak 30% atas minyak kelapa sawit yang dikeluarkan dan diekspot dari Sabah dan Sarawak. Bantuan sementara dalam bentuk pengecualian duti ekspot sebanyak 50% yang telah diberi beberapa tahun kepada Lembaga-lembaga Kemajuan Tanah Sabah dan Sarawak untuk faedah peserta-peserta rancangan dan juga pekebun-pekebun kecil adalah dibatalkan, supaya pengecualian duti sebanyak 30% yang dicadangkan ini dapat dinikmati oleh semua pengeluar di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak bercadang untuk meminda struktur duti ekspot atas bahan-bahan utama pada tahun ini kerana perubahan yang besar telahpun dilaksanakan semasa Belanjawan tahun lalu. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini adalah senantiasa di dalam kajian.

Bagaimanapun, pada tahun ini saya ingin membuat dua penyelarasan dan ini adalah berkaitan dengan royalti balak dan cukai keuntungan bijih timah. Mengenai pembayaran royalti balak, undang-undang cukai pendapatan yang terdapat sekarang ini menguntukkan hanya pembayaran kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dibenarkan sebagai potongan untuk kiraan pendapatan yang dikenakan cukai. Tujuannya ialah untuk mengelakkan kegiatan Ali Baba. Walau bagaimanapun, apa yang berlaku di setengah-setengah negeri ialah SEDC yang telah mendapat hak untuk mengerjakan hutan balak itu kemudiannya memindahkan kuasa kerja itu kepada pembalak-pembalak swasta yang seterusnya menjalankan kerja pembalakan itu. Oleh yang demikian, peruntukan cukai yang ada sekarang membebankan pembalak seperti ini yang sebenarnya bukan Ali Baba. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya Akta Cukai Pendapatan dipinda sahaja supaya pembayaran royalti kepada SEDC dan lain-lain badan negeri dibenarkan sebagai potongan. Berkennaan Cukai Keuntungan Timah pula, Ahli-ahli Yang

Berhormat mungkin ingat akan pindaan yang dibuat tahun lepas untuk menggalakkan pengeluaran yang lebih terutama sekali oleh lombong-lombong gravel dan yang kecil. Saya bercadang untuk menurunkan kadar sut tertinggi cukai tersebut dari 15% kepada 12½%. Dengan pengurangan ini, saya harap perusahaan timah akan berada dalam keadaan yang lebih baik untuk menambahkan pengeluaran terutama sekali dalam konteks keadaan pasaran sekarang ini.

Selaras dengan program-program untuk menambahkan pengeluaran bahan-bahan utama, Kerajaan tidak melupai sumbangan daripada pekebun-pekebun kecil getah. Memandangkan kepada kenaikan perbelanjaan dalam penanaman semula yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil, Kerajaan telah bersetuju supaya bantuan tanaman semula ditambah dari \$900 seekar kepada \$1,200 seekar bagi pekebun-pekebun kecil yang memiliki 10 ekar dan kurang. Bagi tahun 1979, sejumlah \$40 juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Kerajaan juga sudah memulakan persediaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan pertanian ke seluruh negara dengan tujuan untuk mengukuhkan satu sistem penyebaran maklumat yang cekap dan tunjuk ajar yang berkesan kepada petani-petani bagi meningkatkan dan memodenkan sektor pertanian tradisional. Oleh itu Kerajaan telah memperolehi pinjaman sebanyak \$48 juta daripada Bank Dunia untuk membiayai rancangan lima tahun ini. Adalah diharapkan bahawa hasil dari rancangan ini, pengeluaran pertanian akan meningkat supaya dapat menambahkan bukan saja pendapatan petani-petani tetapi juga bekalan bahan-bahan makanan. Ini juga akan membantu usaha-usaha menstabilkan harga.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia adalah pengeluar terbesar lima bahan utama di dunia. Oleh itu, adalah wajar bagi kita mendiri dan memajukan satu Pasaran Barang yang berkesan.

Cukai pegangan (withholding tax) sebanyak 15% di atas bayaran faedah yang dikenakan ke atas mereka yang bukan pemastautin tidak menggalakkan menggerakkan bank-bank perdagangan di Malaysia dan juga bank-bank asing daripada mewujudkan pasaran antarabangsa bagi ringgit kita. Ini adalah kerana kalau bank-bank ini hendak berbuat demikian mereka perlulah

menyimpan wang ringgit di Malaysia, dan bank-bank di Malaysia pula perlu meminjam di luar negeri untuk membiayai operasi jualbeli wang pertukaran asing. Oleh kerana wang-wang simpanan dari pinjaman itu pada lazimnya ialah; untuk jangkamasa pendek maka faedah yang dibayar atasnya adalah dikenakan cukai pegangan. Hal ini menyebabkan bertambahnya kos jualbeli wang pertukaran asing. Kos tambahan ini akan dikenakan pula oleh bank-bank perdagangan kepada pengekspot-pengekspot, menjadikan mereka kurang upaya bertanding. Ini juga bermakna bahawa kadar pertukaran ringgit yang disebut di Malaysia dan di luar negeri tidaklah dapat menjadi semurah yang seharusnya disebut. Keadaan ini mempunyai implikasi yang serius dalam usaha memajukan Kuala Lumpur sebagai Pusat Antarabangsa yang menarik bagi perdagangan barang. Selain dari itu, beban cukai pegangan ini tidak menggalakkan bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar di Malaysia daripada menyertai secara aktif dalam mengaturkan pinjaman wang luar kepada institusi-institusi Malaysia, oleh kerana pinjaman-pinjaman semacam itu biasanya dibayai di luar negeri dalam bentuk pinjaman jangka pendek. Tetapi bank-bank asing tidak kena beban semacam ini. Oleh sebab faktor-faktor yang saya sebut tadi, saya mencadangkan supaya bank-bank perdagangan Malaysia, termasuklah bank-bank saudagar, dikecualikan daripada terpaksa memegang cukai ke atas faedah yang terbayar kepada bank-bank yang bukan pemastautin.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sukalah saya menyentuh hal perkапalan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, saya telah mengumumkan dalam Belanjawan tahun lepas bahawa kajian akan dibuat mengkaji kemungkinan menyediakan galakan-galakan untuk industri perkапalan. Sekim ini sekarang telahpun dirangka dan saya sukalah menyebut di sini ciri-ciri utamanya sahaja. Galakan yang akan diberikan kepada perusahaan perkапalan Malaysia adalah dalam bentuk pelepasan penuh dari cukai pendapatan untuk jangka masa selama 12 tahun bermula dari tahun operasi awal. Sebagai tambahan, dividen-dividen yang diberikan kepada pemegang-pemegang saham sehingga kadar maksima 10% daripada modal yang dibayar akan dikecualikan daripada cukai. Bagaimanapun syarikat-syarikat perkапalan adalah dikehendaki mengkredit baki dari

untung bersih, selepas diambilkira pembahagian dividen, kepada tabung pembesaran bilangan kapal-kapal untuk digunakan bagi mendapatkan tambahan kapal-kapal. Perusahaan perkапalan yang telah sedia ujud akan mendapat, mereka tidak layak mendapat galakan ini oleh sebab syarat-syarat yang telah ditetapkan. Dalam hal ini mereka bolehlah membuat permohonan berasingan kepada Kementerian saya bagi membolehkan permohonan yang sesuai dipertimbangkan mengikut kes masing-masing.

Saya juga mencadangkan supaya satu kumpulan wang ditubuhkan untuk maksud memberi bantuan kewangan jangka panjang yang mencukupi serta dengan kos yang rendah kepada industri perkапalan tempatan. Dengan langkah-langkah ini limbungan kapal akan dapat maju dan bertanding di peringkat Antarabangsa bagi membina kapal-kapal untuk ekspot dan menjalani aktibiliti-aktibiliti membaiki kapal. Oleh itu, satu kumpulan wang akan dibentuk yang akan dilancarkan dengan sejumlah pinjaman dari Kerajaan atas kadar faedah yang rendah. Kumpulan wang ini akan mempunyai peruntukan-peruntukan yang membenarkannya meminjam daripada punca-punca lain dan juga memberi jaminan kredit ekspot untuk kegunaan industri perkапalan. Surat-surat janji hutang yang diterima oleh limbungan-limbungan kapal boleh juga didiskaunkan dengan Bank Negara atas kadar faedah yang rendah. Adalah diharapkan sebagai permulaan, kemudahan-kemudahan yang telah saya sebutkan itu akan mencepatkan perkembangan industri perkapan di negara ini.

Sebagai tambahan, Kerajaan telah bersetuju memberi bantuan kepada perusahaan pembinaan kapal tempatan dengan cara mempelawa tawaran-tawaran bagi pembelian kapal dari limbungan-limbungan kapal tempatan yang mempunyai keupayaan dan kepakaran untuk membina jenis-jenis kapal dan kapal-kapal kecil yang diperlukan oleh Kerajaan. Di mana kepakaran ini tidak ada, amalan biasa bagi mempelawa tawaran-tawaran antarabangsa akan diteruskan.

Cadangan-cadangan Kewangan

Tuan Yang di-Pertua, sekarang biarlah saya menyentuh dasar kewangan. Kerajaan memang memandang berat supaya pasaran-pasaran kewangan dapat bergerak dengan

cekap dan berkesan. Pada peringkat perkembangan sistem kewangan negara kita sekarang, apabila pemindahan sumber-sumber modal negara yang cekap menjadi amat penting, maka kita mestilah mengutamakan soal bagaimana hendak menambah kecekapan pasaran-pasaran kewangan kita.

Oleh itu, untuk memajukan pembangunan dan pemodenan struktur kewangan negara kita supaya dapat mengisi dengan lebih efektif lagi akan tujuan-tujuan dasar negara, maka beberapa cadangan kewangan yang melibatkan perkara-perkara yang berikut akan dekemukakan :

PERTAMA, sistem menentukan kadar-kadar faedah yang terdapat pada masa ini akan diubah. Dari sekarang bank-bank perdagangan akan menentukan kadar-kadar faedah yang hendak dibayarnya untuk simpanan dan juga kadar peminjaman untuk pelanggan-pelanggan utamanya. Tetapi kadar faedah maksima yang bank-bank boleh mengenakan bagi pinjaman-pinjaman kepada kumpulan-kumpulan yang tertentu atau sektor-sektor yang diutamakan, iaitu masyarakat bumiputra, peniaga-peniaga kecil dan untuk membeli rumah oleh orang perseorangan, akan terus ditentu atau diperaturkan oleh Bank Negara. Sistem baru ini merupakan satu kemajuan di dalam tujuan menggalakkan persaingan yang lebih giat di kalangan perusahaan bank supaya menguntungkan para penyimpan dan peminjam.

Kadar faedah bagi simpanan dengan syarikat-syarikat kewangan yang dilesenkan sebagai syarikat-syarikat meminjam telah dibebaskan daripada peraturan ini sejak 1hb Ogos, 1973 dan kadar potongan ke atas Bil-bil Perbendaharaan adalah ditetapkan dengan cara tender terbuka sejak 20hb Ogos, 1973. Kadar-kadar simpanan dan pinjaman bagi bank-bank saudagar pula, memang sudahpun ditentukan oleh faktor-faktor pasaran. Berhubung dengan dasar kewangan dan pengurusan sistem kewangan, Kerajaan akan terus mempunyai kawalan yang berkesan ke atas keseluruhan paras kadar faedah di dalam negeri dengan menggunakan kaedah-kaedah yang ujud sekarang seperti nisbah mudahtunai (liquidity ratio) yang perlu dikekalkan oleh bank-bank, cadangan berkanun (statutory reserves) yang perlu disimpan oleh bank-bank dengan Bank Negara dan juga langkah-

langkah yang dapat menentukan supaya bekalan wang sentiasa cukup di dalam pasaran bagi memenuhi matlamat-matlamat Kerajaan.

KEDUA, struktur mudahtunai (liquidity structure, yang diperlukan bagi bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan akan diubah semula bagi mencerminkan dengan lebih baik keadaan mudahtunai bank yang sebenar.

KETIGA, dua kaedah kewangan yang baru, iaitu "bankers acceptances and negotiable certificates of deposits" atau "kesanggupan bank dan perakuan simpanan yang boleh diniagakan" akan diperkenalkan dengan tujuan bukan sahaja untuk memajukan lagi pasaran wang, tetapi yang lebih penting lagi ialah untuk meninggikan kecekapan di dalam pasaran tersebut supaya simpanan swasta dapat digerakkan dengan lebih berkesan.

Bagi melaksanakan cadangan-cadangan di atas, pindaan-pindaan ke atas Akta Bank, 1973 dan Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969, akan dibentangkan di dalam Dewan ini.

Selain dari itu, adalah juga dicadangkan untuk meletakkan bank-bank saudagar, yang pada masa ini bergerak di bawah sistem garis panduan tidak resmi yang dikenakan oleh Bank Negara, di bawah pengawasan Akta Bank 1973.

Tujuan langkah-langkah ini adalah untuk menjamin supaya bank-bank saudagar menjalankan peranan yang ditetapkan untuk mereka, selaras dengan matlamat dasar negara. Langkah-langkah ini juga diambil supaya mereka menjalankan urusan-urusan mereka berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan yang baik.

Saya suka menegaskan lagi bahawa dasar kewangan yang ada pada masa ini akan dikekalkan untuk terus menggalakkan pemulihan ekonomi. Ini adalah penting di saat sektor swasta mulai bergerak kembali. Maka mustahaklah diadakan perseimbangan antara dorongan kewangan dan fiskal yang sesuai bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta menahan kenaikan harga. Oleh itu dasar kewangan akan ditentukan oleh Strateji Belanjawan saya dan tidak ada sebarang langkah kewangan akan diambil yang mungkin menggencat (to restrain) kegiatan sektor swasta.

Saya suka menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa bekalan wang kita semakin bertambah dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini. Walau bagaimanapun saya ingin menambah bahawa sungguhpun imbalan pembayaran kita baik serta ada pertambahan dalam simpanan pertukaran asing, diperkuat pula dengan dasar-dasar untuk menambah pertumbuhan ekonomi negara dan kegiatan sektor swasta yang semakin luas, tetapi dasar kewangan kita yang cermat ini dijangka akan mengawal pertumbuhan bekalan wang kepada kira-kira 20% dalam tahun ini. Kadar ini adalah baik jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 28% dalam tahun 1972 dan 38% dalam tahun 1973. Tambahan pula, anggaran pertambahan mudah-tunai dalam sektor swasta sebanyak kira-kira 18% adalah baik dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi sebanyak 11.4% dalam harga semasa bagi tahun 1978.

Saya suka menegaskan bahawa kita sensitif memerhatikan penambahan dalam bekalan wang, oleh kerana ia boleh mengakibatkan kenaikan harga dan kenaikan belanja hidup.

Matlamat Kedua Dalam Strateji Belanjawan

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan bercakap lebih lanjut mengenai matlamat kedua Strateji Belanjawan tahun 1979 ini, yang bertujuan "untuk meningkatkan agihan pendapatan dalam rangka harga-harga yang stabil".

Soal meningkatkan agihan pendapatan adalah berkaitan langsung dengan tindakan mengekalkan harga-harga yang stabil. Kita semua maklum, bahawa tidak ada faedahnya menambahkan pendapatan jika ini akan membuatkan harga bertambah tinggi, kerana akibatnya pendapatan sebenar kita akan lebih rendah pula. Pendek kata, harga-harga yang tinggi pada hakikatnya akan mengurangkan pendapatan sebenar kita, dari segi kuantiti dan mutu barang-barang dan perkhidmatan yang kita beli.

Di samping itu, mengawal kenaikan harga adalah satu lagi jalan menolong rakyat melawan kenaikan belanja hidup, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh inflasi yang berasal dari negara-negara perindustrian. Oleh itu maksud Kerajaan ialah hendak menolong mengekal serta meningkatkan pendapatan sebenar bagi rakyat yang berpen-

dapat rendah dengan memberikan Kelonggaran Cukai dan Subsidi, dan juga dengan cara menggalakkan Simpanan.

Kelonggaran cukai, subsidi dan galakan simpanan ini boleh membantu mengatasi beberapa kesan buruk inflasi, sambil mengurangkan kesusahan kepada semua orang, terutama kumpulan-kumpulan yang bergaji tetap dan berpendapatan rendah, akibat dari keadaan inflasi yang menjadi penyakit zaman moden ini.

Adalah juga disedari bahawa usaha-usaha Kerajaan untuk menggalak dan mengembangkan kemajuan ekonomi mungkin mewujudkan pula beberapa tekanan inflasi. Oleh itu Kerajaan merancang untuk menggalakkan simpanan yang akan mengurangkan mudah-tunai (liquidity) yang berlebihan di negeri ini. Selain daripada itu, Kerajaan berniat menggalakkan simpanan untuk menanamkan semangat berjimat di kalangan rakyat dan menggalakkan rakyat membeli harta-harta tetap seperti rumah dan lain-lain harta kewangan yang boleh digunakan untuk pelaburan perniagaan dan aktiviti-aktiviti usahawan yang lain.

Pada masa sekarang, hanya simpanan dengan Bank Simpanan Nasional mendapat faedah daripada pengecualian cukai ke atas faedah yang diperolehi dari simpanan yang tidak melebihi \$20,000. Adalah dicadangkan sekarang supaya simpanan dengan bank-bank perdagangan dan lain-lain institusi yang diluluskan seperti koperasi, syarikat kewangan, Bank Pertanian dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji patut juga layak mendapat galakan ini, tetapi tertakluk kepada had pengecualian cukai yang lebih rendah, supaya kedudukan persaingan Bank Simpanan Nasional tidak tergugat. Saya mencadangkan sekarang tingkat faedah yang dikecualikan daripada cukai bagi simpanan di institusi-institusi tersebut dihadkan kepada \$600 berbanding dengan had \$1,400 yang dibenarkan untuk Bank Simpanan Nasional. Jumlah maksima faedah yang seseorang penyimpan boleh mendapat ialah sebanyak \$2,000 yang merupakan pendapatan daripada jumlah simpanan tabungan lebih kurang \$33,400 dikirakan pada kadar faedah 6%. Jumlah faedah ini adalah lebih tinggi daripada pengecualian cukai yang masa ini diberikan ke atas faedah dari simpanan tidak melebihi \$20,000 dengan Bank Simpanan Nasional. Sukalah saya, walau bagaimanapun, menjelaskan bahawa

hanya simpanan dalam bentuk akaun simpanan sahaja layak mendapat pengecualian cukai pendapatan.

Saya juga telah mengulangkaji mengenai potongan maksima sebanyak \$3,000 yang dibenarkan untuk maksud cukai pendapatan yang dibuat sebagai sumbangan kepada kumpulanwang simpanan dan premium insuran. Had \$3,000 ini sudah tidak sesuai lagi oleh kerana kadar sumbangan kepada sekim-sekim kumpulanwang telah bertambah dari masa ke semasa dan begitu juga dengan kadar premium atas polisi insuran. Dalam pada itu, adalah difikirkan juga bahawa kadar eluan tidak patut diberi dengan banyak kerana ini akan menguntungkan golongan berpendapatan tinggi yang memang mampu membeli polisi insuran yang mahal dan juga boleh berikhtiar menyumbang kepada kumpulanwang persaraan yang lain. Dengan itu saya mencadangkan supaya potongan yang dibenarkan ke atas sumbangan kepada kumpulanwang simpanan dan premium insuran dinaikkan dari \$3,000 kepada \$3,500.

Dengan tujuan untuk menampung keperluan-keperluan asas dan memperbaiki keadaan hidup yang tidak memuaskan, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan perumahan yang mencukupi untuk rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah. Bagi tahun 1979, peruntukan yang besar akan disediakan sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membayai pembinaan rumah-rumah kos rendah. Untuk mempercepat pembinaan rumah-rumah ini oleh Kerajaan-kerajaan Negeri maka Kerajaan Persekutuan telah mengarahkan tiap-tiap Kerajaan Negeri supaya menujuhkan unit perumahannya sendiri. Untuk mengurangkan masalah perumahan di Kuala Lumpur, peruntukan yang agak besar telah diluluskan. Jumlah besar bagi kedua-dua perkara ini ialah \$450 juta.

Perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya di bandar-bandar telah menjadi sasaran kritik terutama sekali tentang mutu dan kecekapan perkhidmatan. Perusahaan pengangkutan awam biasanya berjalan di bawah keadaan yang mendesak disebabkan kenaikan kos operasi dan juga perbelanjaan besar yang diperlukan bagi membeli bas baru. Walau bagaimanapun, bayaran tambang yang dikenakan oleh syarikat-syarikat bas hanya dapat dinaikkan selepas mendapat kelulusan kerajaan. Oleh yang demikian, pendapatan

bersih mereka tidaklah mencukupi bagi membolehkan mereka memperbaiki mutu perkhidmatan dengan mengganti bas-bas yang sudah tua pada masa yang sesuai ataupun menambah bilangan bas yang sedia ada. Atas tujuan membantu mereka membaiki mutu perkhidmatan, saya bercadang untuk mengurangkan duti eksais atas bas dari 15% kepada 5%. Cukai jalan atas bas juga dikurangkan sebanyak 25%. Pada masa yang sama cukai tempat duduk yang sepatutnya berakhir pada penghujung tahun 1979, adalah juga dibatalkan. Dengan pengurangan cukai ini kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan awam, maka saya berharap mutu perkhidmatan pengangkutan awam akan menjadi lebih baik.

Sebagai satu langkah lanjutan untuk merengangkan beban inflasi dan juga bagi mengadakan peluang perniagaan yang lebih luas peniaga-peniaga, duti impot atas beberapa jenis barang pengguna akan dikurangkan. Pengurangan duti impot yang paling penting ialah atas buah-buahan sebanyak 50%. Buah-buahan ini termasuklah durian, epal, oren dan lain-lain. Langkah ini diambil oleh kerana penjual buah-buahan telah mengambil kesempatan menaikkan harga yang tak menasabah oleh kerana duti impot yang tinggi dan kerana kekurangan buah-buahan tempatan. Walau bagaimanapun petani-petani tidak banyak mendapat faedah dari harga yang tinggi dan pengguna-pengguna pula terpaksa membayar harga yang tinggi. Keadaan ini perlu dibaiki dengan mengurangkan duti impot supaya persaingan di antara buah-buahan tempatan dengan buah-buahan impot akan mendorongkan jatuhnya harga buah-buahan. Walaupun kadarnya dikurangkan sebanyak 50%, kadar cukai setelah dipinda masih lagi memberikan perlindungan yang cukup kepada petani-petani yang menanam buah-buahan di negara ini. Saya berharap supaya nikmat pengurangan duti 50% ini dapat dirasai oleh pengguna-pengguna dalam bentuk harga yang lebih rendah. Di samping itu kredit cukai pelaburan yang saya cadangkan untuk menggalakkan pengeluaran makanan termasuk buah-buahan diharap akan menggalakkan pengeluaran buah-buahan tempatan secara besar-besaran dan ini akan menguntungkan petani-petani dan juga pengguna-pengguna.

Peti-peti radio dan TV adalah merupakan media perhubungan yang sangat digemari dan patutlah dimiliki lebih luas lagi oleh rakyat. Apabila perkhemahan TV berwarna dilancarkan sepatutnya lebih ramai orang dapat mengikuti pancaran berwarna ini. Oleh kerana sebahagian besar penduduk negara ini hanya berupaya membeli TV berwarna yang kecil, adalah dicadangkan supaya dikurangkan duti impot dari 45% kepada 25% ke atas peti TV warna dan peti TV hitam/putih yang mempunyai ukuran 16 inci atau kurang. Bagi peti TV yang mempunyai ukuran lebih dari 16 inci, duti impot akan dikurangkan kepada 35% sahaja. Duti eksais atas peti TV yang dipasang di dalam negeri yang berukuran 16 inci atau kurang dikurangkan dari 15% kepada 5%, bagi TV yang lebih besar, kadar duti eksais yang ada sekarang sebanyak 10% dikekalkan. Bagi radio, kadar duti impot dikurangkan dari 30% kepada 20% dan dari 25% kepada 15%, bergantung kepada jenis radio itu.

Saya juga telah membatalkan duti impot atas kertas tulis dan cetakan. Duti impot atas alat-alat musik dikurangkan dari 45% kepada 25% dan bagi alat-alat solek dan minyak wangi duti dikurang dari 60% kepada 45%. Perubahan-perubahan duti impot yang lain juga dibuat untuk menyelaras kadar duti yang ada sekarang ini.

Pungutan cukai jualan daripada tukang jahit telah membangkitkan beberapa masalah kerana terdapat bilangan tukang jahit yang ramai. Oleh sebab kekurangan pengetahuan menyimpan buku kira-kira dan jenis perniagaannya yang kecil, tukang-tukang jahit ini tidak dapat menyempurnakan tugasnya sebagai wakil pemungut hasil bagi Kerajaan. Oleh kerana itu, saya bercadang mengecualikan tukang-tukang jahit dari dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan. Pengecualian ini walau bagaimanapun, tidak meliputi syarikat-syarikat pembuat pakaian.

Ramai orang bersungut bahawa cara-cara menyelesaikan duti harta pesaka di bawah undang-undang yang ada sekarang ini amatlah menyulitkan penerima-penerima harta pesaka. Saya bercadang tidak akan mengenakan faedah ke atas duti harta pesaka bagi satu tempoh sehingga selepas 30 hari daripada tarikh penerimaan taksiran duti. Peraturan ini dibuat sementara Enakmen Duti

Harta Pesaka dikaji semula. Langkah juga diambil untuk mengecualikan dari duti harta pesaka apa-apa harta pesaka tambahan yang diterima oleh waris simati yang menjadi pencarum EPF sekiranya pencarum itu meninggal dunia sebelum berumur 60 tahun. Pengecualian ini berkuatkuasa mulai 1hb Ogos 1977 iaitu bersamaan dengan tarikh sekim faedah kematian EPF dimulakan.

Buat masa ini, saya tidak bercadang untuk meminda pelepasan cukai kepada individu atau orang-orang perseorangan oleh kerana pembayar cukai telah pun mendapat ribat sebanyak \$60 seorang dan \$30 untuk isteri. Sungguhpun demikian kadar pelepasan untuk anak-anak perlu ditambah supaya dapat meringankan beban yang ditanggung oleh ibu bapa. Oleh itu, saya cadang menaikkan kadar eluan untuk anak-anak kepada \$800 bagi anak yang pertama, \$700 untuk anak kedua, \$600 anak ketiga, \$500 anak keempat dan \$400 anak kelima, menjadikan jumlah pelepasan maksima \$3,000 iaitu \$650 lebih dari maksima sekarang ini. Saya juga mengambil peluang ini untuk menaikkan pelepasan untuk anak-anak yang cacat dari \$300 kepada \$400 seorang.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$2,411 juta adalah disediakan bagi Pelajaran dan \$775 juta bagi Kesihatan dalam kedua-dua anggaran belanja mengurus dan belanja pembangunan dalam Belanjawan ini. Ini bertujuan untuk mengembangkan sumber-sumber tenaga manusia dan meningkatkan keupayaan teknoloji kita bagi mencapai matlamat menghapuskan kemiskinan dan meninggikan pendapatan sebenar bagi golongan berpendapatan rendah.

Langkah-langkah ini juga akan membolehkan belia-belia kita, terutamanya, untuk lebih bersedia mengambil kesempatan dari peluang-peluang pekerjaan baru di samping menambahkan daya penghasilan mereka dengan adanya kemudahan-kemudahan kesihatan yang lebih baik dan kemudahan latihan teknikal.

Dalam bidang Pelajaran, sebanyak \$421 juta adalah diperuntukkan bagi mengadakan 6,968 bilik darjah bagi pelajaran rendah dan 4,483 bilik darjah bagi pelajaran menengah. Begitu juga, sebanyak \$16 juta adalah diperuntukkan bagi pembinaan 6 buah maktab perguruan bagi melatih 4,320 orang guru. Kerajaan juga akan membina lebih banyak asrama bagi menempatkan murid-murid dari kawasan-kawasan luar bandar.

Kerajaan akan terus berusaha untuk mencapai matlamatnya bagi memperbaiki kesihatan awam terutama bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar di mana kemudahan-kemudahan akan ditambah.

Patut juga saya maklumkan bahawa bantuan-bantuan subsidi Kerajaan adalah berjumlah lebih kurang \$350 juta iaitu \$150 juta bagi maksud-maksud pengeluaran dan \$200 juta bagi maksud-maksud masyarakat. Bantuan subsidi secara langsung bagi maksud-maksud pengeluaran termasuklah projek-projek seperti penanaman semula getah, tanaman ladang, perusahaan perikanan, penanaman semula dan pemulihan kelapa. Bantuan subsidi secara langsung bagi maksud-maksud masyarakat termasuklah perkara-perkara seperti biasiswa, dan projek-projek Amalan Nilai Pemakanan. Perkhidmatan-perkhidmatan dan pinjaman-pinjaman yang diberi oleh Kerajaan atas syarat-syarat istimewa memang mempunyai unsur-unsur bantuan subsidi secara tak langsung.

Ramalan Kewangan 1979

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa Belanjawan ini adalah berpatutan dan boleh dikatakan ringan.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin tertanya-tanya bagaimakah Kerajaan mampu membuat perubahan-perubahan cukai dan subsidi itu?

Jawapannya ialah keadaan kewangan kita terus menjadi bertambah kukuh. Kedudukan kewangan dan pengurusannya yang baik telah membolehkan Kerajaan memberi potongan cukai dan subsidi seperti yang telah saya sebutkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah suka-cita mendapat tahu bahawa lebihan Akaun Semasa (Current Account Surplus) bagi Belanjawan tahun 1978 sekarang ini dianggarkan sebanyak \$120 juta. Walaupun terdapat pertambahan yang besar dalam perbelanjaan mengurus, lebihan ini telah terkumpul bagi menampung tambahan dalam perbelanjaan pembangunan. Saya ingin menambah bahawa lebihan ini mungkin akan bertambah lagi sekiranya harga-harga barang yang menggalakkan sekarang ini berterusan hingga akhir tahun.

Prestasi Belanjawan tahun 1979 adalah dijangka baik dan mungkin lebih baik dari tahun 1978. Hasil Belanjawan tahun 1979 adalah dianggar bertambah pada kadar 10% kepada \$9,100 juta, manakala perbelanjaan mengurus dijangka bertambah pada kadar 8.1% kepada \$8,709 juta berbanding dengan Anggaran Belanjawan asal bagi tahun 1978.

Dengan itu, anggaran pada masa ini untuk Akaun Semasa Belanjawan tahun 1979 akan menunjukkan lebihan sebanyak \$391 juta, iaitu sebelum mengambil kira perubahan-perubahan cukai-cukai yang saya telah cadangkan tadi.

Saya ingin menambah yang lebihan Belanjawan yang memuaskan ini telah juga mengambil kira sebahagian besar subsidi-subsidi yang telah saya sebutkan seperti ditunjukkan di bawah Perbelanjaan Mengurus bagi Belanjawan tahun 1979.

Potongan cukai pula adalah dianggarkan berjumlah \$51.3 juta. Bila potongan cukai ini diambil kira, maka Akaun Semasa Belanjawan tahun 1979 sekarang bolehlah dijangka menunjukkan lebihan kira-kira \$340 juta.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju bahawa Kerajaan memang boleh mengambil kesempatan dari kemenangan pilihanraya yang besar baru-baru ini untuk menaikkan cukai. Akan tetapi Kerajaan kita adalah Kerajaan yang bertanggungjawab, oleh sebab itu tidaklah ia menggunakan kedudukannya yang kuat itu. Malah Kerajaan telah memilih untuk membuat potongan-potongan cukai dalam Belanjawan ini selepas diadakan pilihanraya (*Tepuk*). Ini adalah kerana mengutamakan kepentingan negara dan berazam untuk memajukan pertumbuhan ekonomi dan membantu rakyat menikmati taraf hidup yang lebih selesa.

Oleh kerana itu dalam Belanjawan ini Kerajaan akan bergantung lebih kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi serta kelincinan jentera memungut cukai daripada mengemukakan cukai-cukai baharu untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan Kerajaan.

Pembentangan Keseluruhan Belanjawan

Saya telah menyebut di awal tadi yang peruntukan Perbelanjaan Pembangunan sebanyak \$4,861 juta adalah anggaran awal

sahaja bagi tahun 1979, dan ianya akan dilengkapkan lagi apabila Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga disiapkan pada tahun hadapan. Oleh itu, jumlah Perbelanjaan Pembangunan akan dibiayai sebahagiannya oleh lebihan Akaun Semasa Belanjawan yang telah saya sebutkan tadi, dan baki bagi Perbelanjaan Pembangunan akan dibiayai dengan mudahnya seperti biasa melalui pinjaman-pinjaman dari dalam dan luar negeri.

Ramalan Keadaan Ekonomi Malaysia dalam tahun 1979

Saya telahpun menyatakan prospek ekonomi dan kewangan bagi tahun 1979. Saya telah juga menerangkan Strateji Belanjawan tahun 1979 yang telah dirancangkan bagi mengatasi masalah-masalah dan issu-issu dalam negeri berikut darinya.

Setakat mana yang boleh, kita tidak akan membiarkan keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak memuaskan itu memberi kesan buruk ke atas prospek ekonomi kita dan kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat kita. Kita telah dan akan terus berusaha bersungguh-sungguh setakat mana yang boleh sebagai persediaan untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi dan kewangan antarabangsa yang mungkin kita hadapi di masa hadapan.

Strategi Belanjawan tahun 1979 telah meletakkan matlamat pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak kira-kira 7.2% dari segi sebenar. Inflasi akan dikawal dan dijangka akan stabil pada kira-kira 5% pada tahun hadapan.

Begitu juga, Imbangan Pembayaran (Balance of Payments) kita dijangka berada dalam keadaan yang kukuh walaupun permintaan luar negeri bagi bahan-bahan eksport utama kita dijangka semakin kurang dan jumlah impot akan bertambah disebabkan kita perlu mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi kita yang tinggi.

Bersabit dengan ini, sukcitalah saya memberitahu Dewan bahawa cadangan atau simpanan resmi sekarang ini berjumlah lebih dari \$7 ribu juta iaitu cukup bagi membayai kira-kira tujuh bulan impot tertangguh pada paras sekarang. Walaupun ringgit telah turun nilainya dalam beberapa bulan kebelakangan ini berbanding dengan matawang sekumpulan negara-negara utama yang berdagangan dengan Malaysia, keadaan ini adalah kesan

sementara, berikutan dari aliran wang keluar disebabkan oleh bayaran impot yang bertambah, dividen syarikat, pembayaran awal hutang luar negeri oleh sektor swasta dan penerimaan hasil eksport yang lazimnya kurang pada masa ini. Walau bagaimanapun, di minggu-minggu kebelakangan ini, ringgit kita telah pulih dan kembali stabil berbanding dengan matawang-matawang yang disebut tadi. Berbanding dengan matawang negara-negara utama yang berdagangan dengan Malaysia, nilai ringgit telah turun tak sampai pun 2% dan cadangan resmi luar negeri kita telah bertambah lebih daripada \$300 juta sejak awal tahun ini.

Kelemahan dolar Amerika Syarikat yang berpanjangan dengan sendirinya adalah satu perkara yang membimbangkan kita oleh kerana sebahagian besar dari pendapatan tukaran asing kita adalah di dalam matawang tersebut yang menjadi matawang penyelesaian dalam perdagangan antarabangsa. Dalam jangka masa bulan Januari sehingga pertengahan bulan ini, nilai dolar Amerika Syarikat telah susut lebih daripada 11% berbanding dengan Deutschemark, hampir 23% berbanding dengan yen Jepun dan kira-kira 6% berbanding dengan ringgit. Mujur jugalah, dasar kita bagi pembayaran cadangan resmi luar negeri dalam beberapa matawang telah melindungi kita dari mengalami kerugian akibat kejatuhan nilai dolar Amerika Syarikat itu. Lagi pun, oleh kerana kira-kira 70% daripada hutang awam luar negeri kita adalah dalam dolar Amerika Syarikat, kita akan memperolehi keuntungan daripada pengurangan sebanyak 6% dalam pembayaran faedah hutang yang dinilai dalam dolar Amerika Syarikat.

Penutup

Dengan menggunakan Strategi Belanjawan tahun 1979 ini, kita yakin bahawa ekonomi Malaysia akan dapat menghadapi, bahkan mengatasi, segala masalah ekonomi dan kewangan antarabangsa yang sentiasa mempengaruhi suasana ekuatori dalam negeri kita.

Sekiranya keadaan ekonomi dunia merosot lebih dari yang kita jangkakan, mungkin padah akibatnya bagi kita. Akan tetapi, Kerajaan kita akan terus berusaha sedaya-upayanya bagi mengatasi masalah-masalah itu dan menentukan supaya rakyat akan terus menikmati keadilan sosial dalam suasana yang aman, sentosa dan kehidupan yang mewah bagi seluruh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya sudah selesai. Kerajaan telah berikrar "untuk meninggikan mutu hidup seluruh warganegara, terutama sekali yang tidak berada, dengan memperluas kemauhan-kemudahan pelajaran, kesihatan, perumahan pengangkutan dan perkhidmatan masyarakat".

Kita telah memutuskan dan berazam akan melaksanakan ikrar ini demi kepentingan rakyat. Kita juga telah mendapat sokongan yang amat kuat daripada rakyat untuk melaksanakan ikrar kita itu. Ini adalah suatu tanggungjawab yang berat bagi kita semua. Marilah kita sama-sama berusaha dengan semangat cita-cita bersama dan marilah kita bersikap rasional dalam pemikiran dan pendekatan (approach) kita dan janganlah mencemarkan nasib negara dan tanahair kita dengan menimbulkan perkara-perkara yang mungkin merosakkan ekonomi kita.

Dengan semangat kerjasama demi kepentingan negara ini, insya Allah berkat taufik dan hidayah dari Allah subhanahu-wataala, dapatlah kita semua hidup di dalam negara yang terus mewah di dalam keadaan yang aman dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama saya berkenaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1979, dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diintukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan atas kedua-dua masalah ini akan dimulakan pada hari Isnin.

Sekarang Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 23hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.20 petang.

RINGKASAN LANGKAH CUKAI-CUKAI LANGSUNG

1. Elaun Pelaburan Semula

- Skop:** Galakan ini diberi kepada perusahaan perkilangan dan memproses yang menjalankan usaha perkembangan yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
- Jenis Galakan:** 25% daripada perbelanjaan atas jentera, mesin dan bangunan perindustrian akan dibenarkan ditolak dari pendapatan yang diselaraskan (sama dengan kredit cukai pelaburan).
- Tarikh kuatkuasa:** Tahun-tahun taksiran 1980, 1981 dan 1982 bagi tahun-tahun asas 1979, 1980 dan 1981.

2. Galakan-galakan Cukai bagi Industri Perkapalan

- Skop:** Galakan-galakan akan diberi kepada kegiatan-kegiatan perkapalan.
- Jenis Galakan:**
- (a) Pendapatan berkanun sesebuah syarikat perkapalan akan dikekualikan selama 12 tahun dari tarikh permulaan perniagaan;
 - (b) Bayaran dividen yang dikekualikan cukai sebanyak 10% dibenarkan.
- Syarat:** Syarikat-syarikat perkapalan dikehendaki mengkreditkan bagi daripada keuntungan bersih yang telah diodit (sebelum cukai) selepas membayar dividen, kepada Fleet Expansion Reserve untuk diguna baki menambah bilangan kapal. Perbelanjaan sebanyak 75% dari Reserve ini dikehendaki dibuat bagi tujuan ini pada akhir tempoh pengecualian.
- Tarikh kuatkuasa:** Tahun taksiran 1979.

3. Galakan-galakan bagi Industri Makanan

- Skop:** Galakan-galakan diberi untuk penanaman buah-buahan, tanaman makanan, sayur-sayuran, ternakan ikan air-tawar, udang, hidupan laut dan ternakan binatang-binatang untuk daging dan susu.
- Jenis Galakan:** Kredit cukai pelaburan sebanyak 50% daripada perbelanjaan yang digunakan untuk melaksanakan projek yang diluluskan diberi.
- Tarikh kuatkuasa:** Tahun taksiran 1979.

4. Pengecualian Cukai Pegangan Atas Faedah

- Skop:** Pengecualian cukai akan dilanjutkan kepada bank-bank perdagangan dan bank-bank saudagar tempatan.
- Jenis Galakan:** Cukai pegangan sebanyak 15% yang dikenakan atas faedah yang di bayar kepada orang-orang yang bukan pemastautin oleh bank-bank tempatan akan dihapuskan.
- Tarikh kuatkuasa:** Tahun taksiran 1979.

RINGKASAN LANGKAH CUKAI-CUKAI LANGSUNG

5. Cukai keuntungan Bijih Timah

Peruntukan Cukai Keuntungan Bijih Timah dikenakan atas keuntungan bijih timah Sekarang: yang melebihi \$10,000 pada kadar-kadar perperingkat seperti berikut:

\$200,000 yang pertama	5%
\$200,000 kemudiannya	10%
Melebihi \$400,000	15%

Perubahan Kadar cukai yang tertinggi akan dikurangkan dari 15% kepada 12½%. yang di cadangkan:

Tarikh Tahun taksiran 1979.
kuatkuasa:

6. Galakan-galakan Fiskal bagi Simpanan-simpanan

Peruntukan Faedah yang diperolehi daripada simpanan-simpanan dikenakan cukai Sekarang: kecuali bagi faedah yang diperolehi dari Bank Simpanan Nasional bagi simpanan-simpanan yang tidak melebihi \$20,000.

Perubahan (a) Faedah sebanyak \$600 yang diperolehi dari simpanan dalam bank-bank perniagaan, Tabung Haji, syarikat-syarikat kerjasama, Bank Pertanian atau syarikat-syarikat pinjaman yang dilesenkan akan dikecualikan daripada cukai.
(b) Bagi Bank Simpanan Nasional pengecualian cukai akan diberi atas faedah sebanyak \$1,400 yang diperolehi dari simpanan-simpanan dengan bank itu dan bukan di atas jumlah simpanan sebanyak \$20,000.

Tarikh Tahun taksiran 1979.
kuatkuasa:

7. Pelepasan bagi Anak-anak

Skop: Tambahan kepada pelepasan bagi anak-anak diberi kepada pembayar-pembayar cukai pemastautin.

Jenis Tambahan yang dicadangkan adalah seperti berikut:
pelepasan:

	<i>Pelepasan Sekarang</i>	<i>Pelepasan yang dicadangkan</i>
Anak pertama	\$750 \$800
Anak kedua	500 700
Anak ketiga	500 600
Anak keempat	300 500
Anak kelima	300 400
	<hr/>	<hr/>
	\$2,350	\$3,000
	<hr/>	<hr/>

Bagi anak-anak yang cacat pelepasan disemak daripada \$300 kepada \$400 seorang.

Tarikh Tahun taksiran 1979.
kuatkuasa:

LAMPIRAN I—(samb.)

RINGKASAN LANGKAH CUKAI-CUKAI LANGSUNG

8. Tambahan kepada pelepasan bagi Insuran dan Caruman K.W.S.P.

Peruntukan Pelepasan sekarang yang boleh ditolak bagi premiam-premiam insuran dan Sekarang: caruman-caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja ialah \$3,000.

Langkah Elaun tersebut akan ditambahkan daripada \$3,000 kepada \$3,500.
yang di-
cadangkan:

9. Duti Harta Pesaka

Peruntukan (a) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja telahpun menubuhkan
Sekarang: satu skim baru iaitu Skim Faedah Kematian yang mana bayaran diberi kepada waris-waris ahli kumpulan wang yang meninggal dunia sebelum umur 60 tahun. Bayaran ini dikenakan duti pesaka.

(b) Faedah dikenakan atas duti harta pesaka yang harus di bayar dari masa kematian iaitu sebanyak 3% bagi 6 bulan yang pertama, 6% bagi 6 bulan yang kedua dan 12% selepas itu.

Perubahan- (a) Bayaran yang dibuat kepada waris-waris di bawah Skim Faedah Kematian akan dikecualikan daripada duti harta pesaka.
perubahan
yang di-
cadangkan: (b) Apa-apa faedah atas duti harta pesaka yang kena dibayar dari tarikh kematian akan dikecualikan daripada cukai selama 30 hari dari tarikh notis taksiran dikeluarkan.

Tarikh Tahun taksiran 1979.
kuatkuasa:

LAMPIRAN II

PERUBAHAN-PERUBAHAN DUTI EKSPOT

No. BTN	Perkara	Kadar sekarang	Kadar yang dicadangkan
08.01	Kurma, pisang, kelapa, Brazil nuts, pinang, nenas, etc.: Kelapa—		
110	Buah kelapa (fresh)	10%	15%
12.01	Bijian minyak, oleaginous fruit; sebiji dan dipecahkan:		
200	Kelapa kering	10%	15%
15.07	Minyak sayor-sayoran, bentuk cecair dan "solid", mentah, yang telah diproses:		
180	Minyak kelapa sawit	Kadar seperti di Lampiran E, Perintah Duti Kastam, 1978	Pengekspot minyak kelapa sawit di Sabah dan Sarawak hanya membayar 70% dari kadar cukai yang ada sekarang

LAMPIRAN III

PERUBAHAN-PERUBAHAN DUTI IMPOT

No. BTN	Perkara	Unit Kiraan	Kadar sekarang	Kadar yang dicadangkan
08.01	Avocados, mangga, jambu dan manggis:		\$ Sen	\$ Sen
610	buah avocados tonne	881 85	440 90	
620	buah mangga tonne	881 85	440 90	
630	buah jambu tonne	881 85	440 90	
640	buah manggis tonne	881 85	440 90	
08.02	Buah-buah "citrus" "fresh" atau dikeringkan:			
	Oranges—			
110	buah oren tonne	1,322 77	661 40	
120	buah oren dikeringkan kg.	1 32	66	
	Mandarin—			
211	limau mandarin tonne	1,322 77	661 40	
212	limau mandarin dikeringkan kg.	1 32	66	
290	lain-lain tonne	1,322 77	661 40	
300	lemons dan limes tonne	1,322 77	661 40	
400	limau (grapefruit) tonne	1,322 77	661 40	
900	lain-lain tonne	1,322 77	661 40	
08.03	Figs, "fresh" atau dikeringkan:			
100	buah figs (fresh) tonne	1,322 77	661 40	
200	buah dikeringkan tonne	1,322 77	661 40	
08.04	Buah Anggor (fresh) dan kering:			
100	Buah anggor tonne	1,322 77	661 40	
200	Buah anggor dikeringkan tonne	1,322 77	661 40	
08.05	"Nuts":			
100	"almonds" kg.	44	22	
200	"hazelnuts" kg.	44	22	
990	lain-lain kg.	44	22	
08.06	Buah epal, buah "pear" dan quinces:			
110	epal (apple) tonne	1,322 77	661 40	
200	buah "pears" dan "quinces" tonne	1,322 77	661 40	
08.07	Buah jenis keras (stone fruit):			
110	buah "peaches" tonne	1,322 77	661 40	
200	buah "plum" tonne	1,322 77	661 40	
900	lain-lain tonne	1,322 77	661 40	
08.08	Buah "berries" tonne	1,322 77	661 40	
08.09	Lain-lain jenis buah-buahan. Buah-buahan Tropika:			
110	rambutan tonne	1,322 77	661 40	
120	durian tonne	1,322 77	661 40	
130	langsat tonne	1,322 77	661 40	
140	tembikai tonne	1,322 77	661 40	
150	papaya tonne	1,322 77	661 40	
160	nangka tonne	1,322 77	661 40	

LAMPIRAN III—(samb.)

PERUBAHAN-PERUBAHAN DUTI IMPOT

No. BTN	Perkara	Unit Kiraan	Kadar sekarang	Kadar yang dicadangkan
			\$ Sen	\$ Sen
170	mata kuching (termasuk longan)	tonne	1,322 77	661 40
190	lain	tonne	1,322 77	661 40
900	lain	tonne	1,322 77	661 40
08.10 000	Buah-buahan disimpan sejuk beku	tonne	1,653 46	826 70
08.10	Buah-buahan yang disimpan (preserved) sementara tapi tidak sesuai untuk dimakan terus:			
100	di dalam tempat tak masuk angin	tonne	1,653 46	826 70
900	lain-lain	tonne	1,653 46	826 70
08.12 000	Buah-buahan selain dari pechahan kepala di atas	tonne	1,322 77	661 40
08.13 000	Kulit buah-buahan	tonne	330 69	165 35
85.15	T.V. Warna	No.	45%	25%
210	dijalankan oleh kuasa letrik mempunyai luas cermin (screen) 41.6cm dan kurang ..	No.	45% atau \$250, yang mana lebih tinggi	35%
220	dijalankan oleh kuasa letrik, lain-lain ..	No.	45% atau \$250, yang mana lebih tinggi	35%
230	dijalankan oleh kuasa bateri, mempunyai luas cermin (screen) 41.6cm dan kurang ..	No.	45%	25%
231	dijalankan oleh kuasa bateri, lain-lain ..	No.	45% atau \$250, yang mana lebih tinggi	35%
	T.V. hitam/putih—			
250	dijalankan oleh kuasa letrik, mempunyai luas cermin (screen) 41.6 cm dan kurang ..	No.	45%	25%
260	dijalankan oleh kuasa letrik, lain-lain ..	No.	45% atau \$250, yang mana lebih tinggi	35%
270	dijalankan oleh kuasa bateri, mempunyai luas cermin (screen) 41.6 cm dan kurang ..	No.	45%	25%
271	dijalankan oleh kuasa bateri, lain-lain ..	No.	45% atau \$250, yang mana lebih tinggi	35%
85.15 311	Radio yang dipasang di kereta dengan mempunyai kuasa 108-174 MH2 dan disertakan dengan perakam dan "reproducer"	No.	30%	20%
319	Radio yang dipasang di kereta tanpa perakam dan "reproducer"	No.	25%	15%
391	Radio "portable" dengan perakam dan "reproducer"	No.	30%	20%
399	Radio "portable" tanpa perakam dan "reproducer"	No.	25%	15%
411	Lain-lain radio, dijalankan oleh kuasa letrik dengan perakam dan "reproducers"	No.	30%	20%
419	Radio "portable" dengan perakam dan "reproducer"	No.	30%	20%
491	Radio "portable" tanpa perakam dan "reproducer"	No.	30%	20%
499	Radio dijalankan oleh kuasa bateri dengan perakam dan "reproducers"	No.	30%	20%
511	Lain-lain radio, dijalankan oleh kuasa letrik dengan perakam dan "reproducers"	No.	30%	20%
521	Radio dijalankan oleh kuasa bateri dengan perakam dan "reproducers"	No.	30%	20%
529				

LAMPIRAN III—(samb.)

PERUBAHAN-PERUBAHAN DUTI IMPOT

No. BTN	Perkara	Unit Kiraan	Kadar sekarang	Kadar yang dicadangkan
531	Radio tanpa perakam dan "reproducer" dijalankan oleh kuasa letrik.	No.	25%	15%
541	Radio tanpa perakam dan "reproducer" dijalankan oleh kuasa bateri	No.	25%	15%
92.01	Piano (termasuk piano otomatik) lain-lain alat musik bertali, harps:			
100	piano	No.	45%	25%
200	lain alat musik bertali	No.	45%	25%
900	lain-lain	No.	45%	25%
92.02	Lain-lain alat musik bertali:			
100	"Bow instruments"	No.	45%	25%
200	"plucked stringed instruments"	No.	45%	25%
900	Lain-lain	No.	45%	25%
92.03	000 Organ	No.	45%	25%
92.04	000 Accordian dan "concertinas"	No.	45%	25%
92.05	000 Lain-lain alat musical "wind"	No.	45%	25%
92.06	000 Alat-alat musik percussion	No.	45%	25%
92.07	000 Alat-alat musik electro magnetic, electrostatic etc.	No.	45%	25%
92.08	000 Alat-alat musik yang tidak termasuk di bawah mana-mana pecahan kepala	No.	45%	25%
92.10	Bahagian dan alat-alat berkaitan dengan alat music:			
100	perforated music rolls	No.	45%	25%
	Bahagian gantian untuk piano—			
210	tali	No.	45%	25%
290	lain-lain	No.	45%	25%
900	lain-lain	No.	45%	25%
33.06	Minyak wangi, alat-alat solek dan bahan-bahan gunaan bilek air, campuran "essential oil" termasuk keluaran sesuai untuk kegunaan perubatan:			
	Minyak wangi, mengandungi "spirit"—			
110	untuk kegunaan biasa	nilai	60%	45%
120	lain-lain kegunaan	nilai	60%	45%
	Minyak wangi tidak mengandungi "spirit"—			
150	untuk kegunaan biasa	nilai	60%	45%
150	lain-lain kegunaan	nilai	60%	45%
	Alat solek dan lain bahan untuk penjagaan kulit—			
201	bedak talcum	nilai	60%	45%
202	bedak muka	nilai	60%	45%
203	krim (cream) untuk make-up dan membasoh uka	nilai	60%	45%
204	cat "grease" termasuk yang digunakan di pentas)	nilai	60%	45%
205	tonik untuk kulit	nilai	60%	45%
206	lipstick	nilai	60%	45%

PERUBAHAN-PERUBAHAN DUTI IMPOT

No. BTN	Perkara	Unit Kiraan	Kadar sekarang	Kadar yang dicadangkan
207	pensel penghitam/penghias bulu mata dan bulu keping..	Nilai	60%	45%
209	bahan-bahan “sun-tan” dan pelindung “sun-burn”	Nilai	60%	45%
210	“deodorants”	Nilai	60%	45%
299	lain-lain	Nilai	60%	45%
	Bahan-bahan mencantik kuku—			
301	pelicin dan “varnishes” kuku	Nilai	60%	45%
302	penghilang “varnish”	Nilai	60%	45%
	Bahan-bahan menjaga rambut—			
351	bahan mencantik rambut	Nilai	60%	45%
352	minyak rambut	Nilai	60%	45%
353	krim (cream) dan penghias rambut ..	Nilai	60%	45%
354	shampoo	Nilai	60%	45%
355	pewarna rambut	Nilai	60%	45%
356	minyak mengerinting rambut	Nilai	60%	45%
399	Lain-lain	Nilai	60%	45%
48.01	Kertas:			
	Kertas percetakan dan tulisan—			
	Kertas cetak “uncoated”			
211	lebar tidak melebihi 25 cm	Tonne	30%	nil
33.01	“Essential oils”:			
110	minyak “citronella”	L	30%	nil
120	minyak “eucalyptus”	L	30%	nil
130	minyak nilam (patchouli)	L	30%	nil
140	daripada lada	L	30%	nil
190	lain-lain	L	30%	nil
200	hasil keluaran terpenic	L	30%	nil
300	“concentrates of essential oil”	L	30%	nil
39.07	620 Lampu-lampu (fittings) dari flourescent ..	Nilai	30%	20%
	690 Lain-lain	Nilai	15%	20%
70.14	110 Lampu-lampu kaca yang menggunakan kuasa letrik	Nilai	45%	20%
71.09	“Platinum” dan lain-lain jenis bahan platinum			
100	platinum dan campuran platinum	kg.	15%	5%
200	lain-lain bahan dalam kumpulan platinum ..	kg.	15%	5%
300	platinum dan lain-lain bahan platinum di-proses separuh	kg.	15%	5%
71.10	000 Platinum yang digulung	kg.	15%	5%
83.07	Lampu-lampu dan perhiasan lampu etc. yang dibuat dari bahan besi yang lain:			
191	flourescent	Nilai	30%	20%
199	lain-lain	Nilai	15%	20%
84.12	Alat penyejuk:			
990	Bahagian-bahagian alat penyejuk	No.	—	45%

LAMPIRAN III—(samb.)

PERUBAHAN-PERUBAHAN DUTI IMPOT

No. BTN	Perkara	Unit kiraan	Kadar sekarang	Kadar yang dicadangkan
87.02	Kereta untuk mengangkat barang dan orang:			
102	siap dipasang (completely built up) No.		60% to 100%	30%
94.01	Kerusi dan lain-lain tempat duduk:			
100	Kerusi dan lain tempat duduk No.		25%	50%
900	Bahagian kerusi dan tempat duduk .. Nilai		25%	50%

LAMPIRAN IV

PERUBAHAN-PERUBAHAN DUTI EKSAIS

Bil. Kod	Perkara	Kadar Sekarang	Kadar yang dicadangkan
14.14.1	T.V. Warna—dengan luas cermin (screen) 41.6 cm dan kurang	10% atau \$60 satu yang mana lebih tinggi	5%
14.14.2	T.V. Warna—dengan luas cermin (screen) melebihi 41.6 cm	10% atau \$60 satu yang mana lebih tinggi	10%
14.15.1	T.V. hitam/puteh—dengan luas cermin (screen) 41.6 cm dan kurang	10% atau \$60 satu yang mana lebih tinggi	5%
14.15.2	T.V. Hitam/puteh—dengan luas cermin (screen) melebihi 41.6 cm	10% atau \$60 satu yang mana lebih tinggi	10%
15.3.1	Kereta motor untuk mengangkut barang-barang dan orang	25%—60%	15%
15.2	Bas, yakni kereta motor yang mempunyai tempat duduk untuk 6 orang dan lebih	15%	5%

LAMPIRAN V

PERUBAHAN CUKAI ATAS BAS

Perkara	Kadar Sekarang	Kadar dicadangkan	
		Petrol	Petrol
1. Cukai Jalan atas Bas	Kurang dari 2,000 c.c. \$10 satu bulan .. Lebih dari 2,000 c.c. \$15 satu bulan ..	Kurang dari 2,000 c.c. \$7.50 satu bulan .. Lebih dari 2,000 c.c. \$12.75 satu bulan ..	
		Diesel	Diesel
	Kurang dari 1,500 c.c. \$80 satu bulan .. 1,500 c.c.—2,500 c.c. \$100 satu bulan .. 2,500 c.c.—3,500 c.c. \$120 satu bulan .. Melebihi 3,500 c.c. \$220 satu bulan ..	Kurang dari 1,500 c.c. \$60 satu bulan .. 1,500 c.c.—2,500 c.c. \$75 satu bulan .. 2,500 c.c.—3,500 c.c. \$90 satu bulan .. Melebihi 3,500 c.c. \$165 satu bulan ..	
2. Cukai Tempat Duduk	\$4 satu kerusi/tempat duduk untuk satu bulan atau 4% dari jumlah pungutan kasar bagi satu bulan	cukai tempat duduk akan dibatalkan	